



SABAH, MALAYSIA
Warta Kerajaan

KELUARAN KHAS

Diterbitkan dengan kuasa

Jil. LXXVI]

KOTA KINABALU, RABU, 18 OGOS 2021

[No. 33

Kenyataan-kenyataan berikut adalah diterbitkan atas perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk Makluman Umum.

DATUK SERI PANGLIMA SR. HAJI SAFAR BIN UNTONG,
Setiausaha Kerajaan Negeri.

No. 262

[No. DUNS: [S]600-8/1(

DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH YANG KEENAM BELAS

PENGGAL KEDUA

PENGISYTIHARAN

BAHAWASANYA Fasal (1) Artikel 21 Perlembagaan Negeri Sabah memperuntukkan bahawa Yang di-Pertua Negeri Sabah boleh dari semasa ke semasa memanggil Dewan Undangan Negeri bersidang.

DAN BAHAWASANYA Dewan Undangan Negeri Sabah melalui Pengisytiharan yang bertarikh pada 29 Julai 2021 telah dipanggil untuk mengadakan Sidangnya pada 24, 25 dan 26 Ogos 2021 dan bahawasanya keadaan kini menghendaki supaya sidang tersebut diadakan pada 21, 22 dan 23 September 2021.

OLEH HAL YANG DEMIKIAN, maka saya, TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN, Seri Maharaja Mangku Negara, Seri Panglima Darjah Kinabalu, Seri Utama Mahkota Wilayah, Panglima Gemilang Darjah Kinabalu, Panglima Jasa Negara, Ahli Setia Darjah Kinabalu, Jaksa Pendamai, Hon. Ph.D (UoW) United Kingdom, Yang di-Pertua Negeri Sabah mengisytiharkan bahawa Sidang Dewan Undangan Negeri Sabah yang telah ditetapkan pada 24, 25 dan 26 OGOS 2021 adalah dengan ini diadakan pada 21, 22 dan 23 SEPTEMBER 2021.

Pengisytiharan bertarikh 29 Julai 2021 adalah dengan ini dipinda.

DIKELUARKAN dengan tandatangan saya dan Mohor Kerajaan Negeri Sabah pada hari ini 17 haribulan Ogos 2021.



TUN DATUK SERI PANGLIMA (DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN,
Yang di-Pertua Negeri Sabah.

Dengan Perintah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah,

DATUK SERI PANGLIMA HAJI HAJIJI HAJI NOOR,
Ketua Menteri Sabah.

